

25/05/2003

Kita sedia hadapi perang

Ismail Mat; Ziauddin Sharuddin

BUKAN mudah untuk mendapatkan temu bual dengan Menteri Pertahanan yang juga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak kerana beliau sememangnya

sibuk menjalankan urusan hariannya sebagai anggota Kabinet.

Dalam minggu ini saja, beliau perlu menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Am (GBC), Majlis Tertinggi Umno dan pelbagai mesyuarat lain bagi

memenuhi permintaan ahli Umno.

Ruang masa menemubualnya sukar untuk diselitkan pegawainya meskipun sudah diusahakan sejak Selasa lalu.

Namun, pagi Jumaat lalu, beliau sempat meluangkan masa selama 50 minit di udara bersama Wartawan Berita Minggu, ISMAIL MAT dan ZIAUDDIN SHARUDDIN

dengan menaiki helikopter Blackhawk ketika menuju ke Pekan, Pahang bagi menghadiri majlis bersama penduduk di sana.

Dalam helikopter yang dikendalikan Kapten Norazrin Samsudin itu Najib mengulas usaha memperkukuhkan pertahanan negara termasuk pembelian 18 pesawat tempur pelbagai fungsi, Sukhoi SU-30MKM dari Russia serta persediaan Umno menghadapi pilihan raya selepas peralihan kuasa pada Oktober ini.

DALAM usaha mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali, kita masih melihat negara di rantau ini berusaha meningkatkan kekuatan ketenteraan masing-masing seolah-olah kita diancam perang. Kenapa ini berlaku?

Kita tidak mengangap bahawa pembangunan senjata sesebuah negara Asean yang lain itu mengancam keselamatan negara kita, sebab kita tidak fikir bahawa sesuatu konflik akan berlaku di mana kita akan diserang oleh mana-

mana negara Asean.

Tetapi pembangunan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah sebagai satu yang perlu kita lakukan kerana dengan perkembangan dunia mutakhir ini, kita lebih insaf dan sedar kedaulatan negara kita akan hanya dapat ditentukan dengan kemampuan pertahanan negara kita sendiri. Kita tidak boleh bergantung kepada negara luar walaupun tidak menolak kemungkinan mereka sedia membantu kita, tetapi semestinya berasaskan kekuatan kita iaitu ATM sebagai organisasi yang utama dalam soal menjaga terutama ancaman luar negara. Soal kedua ialah ketahanan rakyat itu sendiri.

Siapakah musuh yang sebenarnya dihadapi di rantau ini ketika ini?

Kita tidak boleh kenal pasti atau syak mana-mana negara sebagai negara yang akan memberi ancaman kepada kita. Kita mesti membangunkan ATM supaya

sesiapapun akan rasa kalau mereka tak gerun dengan kita, sekurang-kurangnya akan menghormati kita. Ini bukan bererti kita menjurus kepada konflik tetapi dalam proses tawar menawar, umpamanya dalam proses tuntutan

yang belum selesai lagi, kita perlu kepada kekuatan untuk memberi kita kelebihan psikologi. Maknanya orang akan berasaskan kalau sesuatu berlaku,

kita ada kekuatan untuk sokong sebarang keputusan atau pendirian yang

kita  
lakukan.

Jadi saya melihat, dalam keadaan sedemikian, kita perlu membina kekuatan pertahanan negara kita.

Datuk Seri menyebut mengenai isu tuntutan yang belum selesai. Adakah ia bermaksud dan merujuk tuntutan Pulau Batu Putih dan Pulau Spratly?

Saya sebut secara umum, tidak semestinya menghala kepada sesebuah negara.

Malaysia baru-baru ini bersetuju membeli pesawat tempur, 18 pesawat Sukhoi SU-30MKM. Ketika ini, kita sudah ada pesawat 18-MIG29, 8-FA18D, 28

Hawk. Adakah mencukupi keupayaan pertahanan udara kita setakat itu?

Pertamanya, kita tidak boleh melihat aspek bilangan semata-mata. Dalam peperangan moden ini, ia tidak bergantung sepenuhnya kepada bilangan pesawat saja, tetapi berpaksi kepada kemampuan pesawat kita terutama dari segi pertempuran. Bererti segala peralatan dalam kapal terbang, avionik, radar, peluru berpandu, kemampuan juruterbang dan sistem komputer pesawat

ini semua boleh menentukan sama ada dalam keadaan pertempuran di udara, kita mempunyai kelebihan berbanding musuh kita.

Sebab itulah, kerajaan mengambil keputusan meningkatkan kemampuan TUDM adalah sesuatu yang perlu dilakukan kerana teknologi pesawat berkembang begitu pesat. Jika kita tidak selari dengan perkembangan pesat ini, kita akan mempunyai pesawat yang ketinggalan dari segi teknologi dan ini akan meletakkan kita dalam keadaan tertekan apabila sampai masanya.

Apa perancangan dan keperluan jangka panjang Malaysia? Kita sudah ada kira-kira 110,000 anggota tentera dalam tiga cabang perkhidmatan, berbanding 24 juta rakyat Malaysia. Mungkin kita perlu melaksanakan kerahan tenaga sebagai pertahanan jangka panjang?

Kita berasa dengan kekuatan ATM berserta barisan kedua seperti Polis dan

Rela kita punyai bilangan yang mencukupi. Bagi Malaysia, kita melihat keselamatan ditafsir dari aspek yang luas, bukan saja kekuatan ketenteraan. Sebaliknya, ia merangkumi aspek keselamatan sosial dan ekonomi dan sebagainya. Maknanya kita mesti membangunkan dan tadbir negara

kita supaya rakyat berasa selamat dari segala sudut. Sebabnya kita mendefinisi keselamatan kita ini luas.

Sehubungan itu kita perlu terus melihat kepada bagaimana ATM boleh didukung dan disokong oleh ketahanan rakyat yang semakin meningkat. Ini termasuk kesediaan dibabitkan dalam usaha menjaga kepentingan dan keselamatan negara. Antara usaha awal kita ialah melaksanakan program kerahan atau khidmat negara yang akan dilaksanakan mulai tahun depan, walaupun asasnya berbeza daripada amalan Singapura atau Thailand yang dikhususkan untuk keperluan pertahanan, tetapi kita akan memulakan satu program meningkatkan kesedaran dan semangat patriotisme serta nilai murni

oleh generasi muda kita seperti sanggup berkhidmat kepada negara dan masyarakat.

Saya melihat program ini akan membina ketahanan negara. Elemen ketenteraan membabitkan kira-kira 30 peratus daripada program itu.

Seramai

50,000 hingga 100,000 anak muda akan terbabit dalam program ini mulai tahun depan. Perincian mengenainya akan diumumkan dalam tempoh terdekat selepas mendapat kelulusan Kabinet.

Adakah benar pembelian SU-30MKM bernilai RM3.4 bilion dibayar secara kontra minyak sawit. Jika benar, apa faedah kepada rakyat menerusi dasar bayaran sebegini?

Saya ingin menjelaskan yang pembayaran pembelian pesawat tempur itu sebenarnya dilanjutkan sehingga Rancangan Malaysia Kesembilan (RM-9). Ia tidak dilunaskan dalam tempoh satu atau dua tahun. Tindakan terbabit membolehkan kerajaan mampu membeli pesawat berkenaan demi mengukuhkan pertahanan tanpa menggugat program sosio-ekonomi dan pembangunan negara.

Menerusi pembelian Sukhoi 30MKM ini, kita menetapkan offset terbesar iaitu sebanyak 60 peratus merangkumi 30 peratus 'direct offset' dan 30 peratus 'indirect offset' merangkumi pemindahan teknologi dan pembelian komoditi Malaysia yang kini menjadi dasar kerajaan. Sebelum ini, kita mulakan pada kadar 30 peratus sebelum ditingkatkan kepada 50 peratus dan kini 60 peratus.

Jadi dengan ini, sebahagian besar daripada jumlah pembayaran itu tidak akan mengalir keluar atau tukaran wang negara dilakukan dengan negara asing.

'Indirect offset termasuk pembelian kelapa sawit dan juga produk lain buatan Malaysia yang boleh diguna pakai oleh Russia. Manakala 'direct offset' merangkumi teknologi canggih Russia yang kita akan pindahkan ke negara ini. Kita sedang dalam proses akhir menyenaraikan teknologi yang akan dipindahkan itu dan tidak semestinya teknologi ketenteraan tetapi meliputi bidang lain.

Dasar ini juga memberi manfaat kepada pekebun kecil dan peneroka Felda negara kita kerana ia meningkatkan pasaran sawit tempatan serta menstabilkan harga komoditi itu kepada paras yang munasabah dan berpatutan.

Selain itu, ia akan memberi limpahan kesan kepada pertumbuhan ekonomi negara sebab sebahagian aliran kewangan akan kekal dalam sistem ekonomi negara. Pembelian senjata ini juga menjadi pemangkin kepada teknologi baru

yang boleh jana pendapatan pada masa akan datang.

Mungkin Datuk Seri boleh jelaskan kenapa pesawat Russia menjadi pilihan, berbanding pesawat buatan Amerika Syarikat dan Britain?

Kita ada beberapa pertimbangan. Pertamanya, kita lihat kemampuan kapal terbang yang berkemampuan tinggi dalam aspek Pesawat Tempur Pelbagai Fungsi, bukannya satu kemampuan saja, sebaliknya merangkumi kemampuan pertempuran di udara, serangan ke muka bumi dan laut serta jarak yang jauh.

Menerusi aspek itu kita pilih pesawat Sukhoi, tetapi itu bukan bermakna pesawat lain tidak sesuai, sebaliknya kita juga berdasarkan kemampuan kewangan kita. Ketika ini, kita juga menilai pembelian pesawat tempur lain. Dasar kita yang membeli kelengkapan ketenteraan dari pelbagai negara bertujuan memastikan kebergantungan kita tidak kepada sesebuah negara saja. Ini juga memberi kelebihan strategik kepada kita kerana dapat memahami teknologi yang dimiliki oleh banyak negara, bukan setakat Barat saja kerana negara blok Timur yang juga mempunyai teknologi perang

canggih

yang boleh dimanfaatkan Malaysia. Ini juga menjadikan kita sebuah negara unik, mencerminkan hakikat bahawa kita negara yang bebas dan berdaulat, tidak mirip kepada mana-mana blok. Ada pendirian tersendiri dalam hubungan

antarabangsa. Keunikan kita mungkin satu-satunya negara yang boleh terima

teknologi dari Barat dan Russia.

Setakat mana kemahiran yang diperolehi daripada pembelian senjata ketika

ini dan pemindahan teknologi peralatan ketenteraan ke negara ini?

Kita mengenakan pelbagai syarat pemindahan teknologi, misalnya secara langsung berkaitan peperangan elektronik dan bawah permukaan laut dengan Perancis menerusi pembelian kapal selam. Ini semua dalam proses sebenar sebab pembelian kita adalah jangka panjang.

Ia mengambil masa. Untuk peperangan bawah permukaan laut, misalnya, kapal selam kita akan tiba 2007 dan ketika itu, kita akan mempunyai kemampuan walaupun tidak tinggi. Masih ada lagi ruang yang belum dapat dipenuhi. Dalam peperangan moden, kita perlu ada pengesanan untuk melihat sesuatu ancaman lebih pantas untuk membolehkan tindak balas dalam masa singkat. Selama ini, kita mempunyai radar di bumi, kita perlu mempunyai radar di udara sebagai sistem amaran awal. Ini saya lihat satu keperluan yang perlu dimiliki Malaysia dalam waktu terdekat tetapi tertakluk kepada

kemampuan kewangan kita.

Kita mengambil langkah awal menilai beberapa cadangan yang dikemukakan kepada kita oleh beberapa negara yang memiliki kemampuan ini dari segi pesawat dan sistem pengesannya.

Yang jadi program ini mahal ialah pengesannya merangkumi radar, elektronik dan stesen penerima di bumi dan integrasinya mahal, sebab itu kita terpaksa lihat kemampuan kewangan negara sebelum membeli sistem canggih ini.

Apa pandangan Malaysia terhadap persediaan Singapura yang memiliki kemudahan persenjataan melakukan serangan awal (pre-emptive) serta mendapatkan kelengkapan canggih dan penasihat Amerika dan Israel?

Singapura mungkin ada kemampuan yang tinggi dalam bidang pertahanan sebab mereka membelanjakan enam peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kadar (KDNK) untuk pertahanan berbanding Malaysia antara 2.5 hingga 3 peratus saja. Namun demikian, hakikatnya Singapura adalah sebuah pulau dan

dalam konsep peperangan, pertahanan sebuah pulau disifatkan sebagai point defence.

Dalam doktrin peperangan, point defence amat sukar dilakukan kerana tempatnya kecil serta terhad dan sebenarnya ia amat mudah diserang dari luar. Jadi, Singapura adalah negara yang ada kekangan dari segi kedudukan

strategiknya kerana ia sebuah pulau. Untuk menyerang dan bertindak balas terhadap sebuah pulau lebih mudah, dari sebuah negara yang luas seperti Malaysia.

Kita tidak boleh komen pembelian senjata oleh mana-mana negara Asean. Kita kena terima hakikat kalau mereka mampu untuk modenkan tentera mereka,

itu hak mereka. Cuma kita melihat, sama ada mereka mempunyai kemampuan

untuk bertindak secara offensive dan sama ada ada niat untuk bertindak secara agresif pada negara kita. Itu dari segi perancang pertahanan dan ia

mesti kita nilai sepanjang masa.

Maknanya kita sentiasa memerhati keadaan antara negara?

Itu perkara biasa, mereka perhatikan kita, kita memerhatikan mereka. Tetapi itu tidak bererti kita nak galakkan ketegangan antara dua negara. Segala urusan antara dua negara berjiran di rantau ini Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia, perlu melalui proses secara rundingan dan diplomasi, seperti isu Pulau Ligitan dan Sipadan yang diselesaikan menerusi Mahkamah Dunia (ICJ). Ada wahana tertentu yang boleh

dipilih oleh kita dan menggunakan kekuatan ketenteraan adalah sesuatu yang

mesti dielakkan oleh kita.

Ada pendapat menyatakan Singapura dilihat mahu menggantikan Filipina sebagai pangkalan tentera Amerika Syarikat di rantau ini?

Kita tidak bersetuju dengan Amerika Syarikat untuk menggunakan mana-mana

negara Asean sebagai pangkalan tetap mereka. Negara itu boleh adakan latihan bersama dengan mana-mana negara Asean, kita pun ada perjanjian latihan bersama dengan negara itu. Namun, itu tidak bererti kita akan bersetuju mana-mana negara Asean dijadikan tapak pangkalan tetap untuk Amerika Syarikat, tetapi setakat ini, kita belum tahu ada perancangan itu,

tetapi mereka gunakan sebagai persinggahan.

Kita masih berkehendakkan rantau ini sebagai kawasan zon bebas, aman dan berkecuali, supaya kawasan ini tidak menjadi rebutan dan terbabit dalam permainan mana-mana kuasa besar.

Bagaimana Datuk Seri melihat ancaman keselamatan ke atas negara ini, khususnya di Sabah berikutan aktiviti ketenteraan di Mindanao dan kini serangan tentera Indonesia ke atas Aceh?

Kita telah cuba berfungsi secara langsung sebagai tuan rumah kepada rundingan Barisan Pembebasan Islam Moro (MILF) dan Kerajaan Filipina. Fungsi kita terhad dan kita tidak boleh campur tangan hal ehwal mana-mana

negara. Kita boleh cuba memujuk dan pengaruhi mereka dan beri kemudahan supaya rundingan dapat diadakan dan pilihan penyelesaian politik dan bukan

konflik ketenteraan untuk selesaikan masalah dan aspirasi mereka. Itu yang

boleh kita lakukan. Tetapi perkembangan mutakhir di selatan Filipina dan masing-masing menuduh antara satu sama lain, rundingan perjanjian tidak dapat dilaksanakan. Kita berharap dalam dua konflik itu, perundingan dapat

diadakan seperti saranan kita kepada semua pihak. Kita berharap demikian kerana sebagai negara berjiran, ketidakstabilan di negara jiran turut mengancam kepentingan kita secara langsung atau tidak langsung.

Kalau dunia luar memerhati selatan Filipina dan Aceh, mereka boleh mendapat tanggapan salah, kononnya seluruh Asia Tenggara tidak selamat kerana ada kecenderungan mereka melonggokkan semua negara Asean dalam satu

situasi walaupun hakikatnya Malaysia begitu aman dan terselamat.

Adakah Malaysia akan menyerahkan mana-mana individu yang lari dari dua kawasan terbabit kepada pihak berkuasa Filipina atau Indonesia, atau diadili mengikut undang-undang negara ini?

Soal ini adalah pertimbangan yang kita perlu lakukan dari segi pertimbangan politik, di samping undang-undang tetapi kita masih mempunyai hak menentukan keputusan itu kepada sesuatu kes yang berlaku dari semasa ke semasa. Setakat ini, cuma dalam kes Nur Misuari, dia lari ke sini, kita serah balik kepada Filipina. Saya percaya, kita mempunyai perjanjian ekstradisi dengan dua negara terbabit.

Apakah nasihat dan ingatan Datuk Seri kepada seluruh rakyat berhubung usaha meningkatkan tahap keselamatan dan pertahanan negara ini?

Rakyat perlu sedar bahawa keselamatan negara kita akan hanya terjamin jika sekiranya rakyat bersatu dan memberi sokongan yang tidak berbelah bagi kepada dasar dan usaha kerajaan kerana perpecahan dalaman akan membabitkan ketidakstabilan dalaman.

Ketidakstabilan dalam ini boleh menggugat keselamatan negara dan ini akan melemahkan kemampuan kerajaan untuk membina kekuatan melalui program pembangunan ATM kerana apabila perpaduan dalaman dan kestabilan tergugat, maka keyakinan dan proses pembangunan dan kemampuan kerajaan tergugat. Jadi mana-mana negara yang betul-betul nak tunjukkan ketahanan kebangsaan yang kukuh, mesti bersatu, berdisiplin dan faham fungsi rakyat dalam menentukan keselamatan negara.

Kita beralih kepada soal politik tanah air pula. Umno akan melalui proses peralihan kuasa pada Oktober ini. Setakat manakah Umno berupaya memastikan kelicinan proses itu berikutan dakwaan kemungkinan berlaku perebutan jawatan nombor dua selepas itu?

Kita telah melalui proses peralihan kuasa ini. Sudah satu, dua, tiga kali dalam sejarah negara, sejarah Umno. Setiap kali peralihan kuasa ini berjalan, ia tidak menggugat kekuatan kita dan kestabilan politik negara kita. Saya yakin dengan kemampuan Umno dan tanggungjawab pucuk pimpinan dan dengan pemimpin Umno semua peringkat. Bahawasanya apabila berlaku peralihan kuasa ini, kita dapat menentukan ia berjalan dengan teratur dan licin dan tidak menimbulkan perpecahan, mahupun serpihan baru yang akan timbul.

Pilihan raya umum dijangka dihadapi selepas peralihan kuasa. Setakat manakah Umno bersedia bagi memastikan peristiwa 1999 tidak berulang?

Umno sudah banyak pulih sejak 1999. Kali ini, ingatan kita kepada pilihan raya 1999 masih tidak luput lagi. Ini akan kita jadikan sebagai dorongan untuk memastikan bahawa kita tidak alpa dan kita tidak akan seperti kata orang putih 'take for granted'. Apa yang perlu kita lakukan, mahupun sokongan rakyat yang kita mesti peroleh dan jentera Umno mesti komited kepada kerja pengukuhan parti dan persiapan pilihan raya sehingga apa saja yang perlu dilakukan hendaklah dilakukan dengan bersungguh-sungguh.

Bagaimana usaha Umno untuk memastikan semua ahli menjadi pengundi pada pilihan raya akan datang dan setakat mana usaha itu berjaya?

Proses ini sedang berjalan dan kita minta setiap bahagian memberi tumpuan kepada perkara ini, disamping menghantar laporan dan maklumat kepada kita. Sejauh manakah mereka telah bertindak atas perkara ini. Selain itu, kita juga mengendalikan kursus pada semua peringkat untuk memperkasakan kesedaran ahli Umno supaya sokongan kepada parti amat penting bagi menjamin kemenangan kita. Ahli Umno mesti sedar bahawa dalam apa juga keadaan, yang penting ialah ketaatan kepada parti.

Mungkinkah sikap selesa sesetengah ahli Umno yang menyangka bahawa kalau tidak keluar mengundi pun, Barisan Nasional akan menang. Ini menyebabkan ahli Umno tidak keluar mengundi?

Ada juga, tetapi sebahagian besar ahli Umno memang keluar mengundi. Tetapi keluar mengundi saja tidak mencukupi, jentera kita ini, jentera parti mesti bekerja dengan penuh semangat. Ertinya menguatkan azam dan tekad kita amat penting. Sebab itulah kita mesti pastikan jentera parti benar-benar komited dengan tugas pilihan raya.

Dalam persediaan pilihan raya 1999, ada pemimpin akar umbi memberikan maklumat kurang tepat mengenai kekuatan dan sokongan rakyat kepada pemimpin yang menjadi calon. Bagaimana perkembangan terkini?

Bagi 1999, memang kita tidak menduga senario ketidakpuasan orang ramai kepada kerajaan. Sebab itulah kali ini, kita telah mengarahkan parti supaya membuat penilaian yang lebih tepat dan tidak bergantung kepada satu

sumber saja. Tidak semestinya melalui satu sudut, satu punca saja. Kita mesti dapat penilaian kita dari pelbagai sumber, sama ada secara rasmi atau tidak rasmi. Setiap pemimpin Umno mesti membuka mata dan pasang telinga apa yang berlaku sebenarnya pada peringkat akar umbi.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ada bercakap mengenai kumpulan serpihan. Mereka yang tidak dapat bertanding dalam pilihan raya membuat kacau. Bagaimanakah amalan ini dapat dielakkan pada pilihan raya akan datang?.

Itu yang saya katakan, penegasan kita kepada konsep kesetiaan, Kesetiaan itu mesti kepada parti dan bukan kepada pemimpin kegemaran atau kesukaan kita. Ini yang kita tekankan supaya tidak berlaku sejarah berulang dari segi kumpulan serpihan, sama ada serpihan dalam erti kata keluar dari parti seperti kumpulan ulama keluar parti dan tubuhkan Pas.

Sesetengah wakil rakyat Umno dan Barisan Nasional, kecuali yang mempunyai tugas pada peringkat Persekutuan dan negeri, tinggal di luar kawasan Parlimen atau Dewan Undangan Negeri (Dun) yang diwakili, tidakkah ini akan memberi kesan kepada BN?

Kalau dia seorang ahli Parlimen atau memegang jawatan, itu boleh diterima, Kalau dia wakil rakyat biasa, kita galakkan mereka berada di kawasan pilihan raya. Kalau mereka duduk di luar pun, mereka mesti ada pusat perkhidmatan mereka di kawasan itu dan mesti kerap kali berada di kawasan, terutama sekali kalau mereka di peringkat Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun). Adun adalah barisan pertama dalam hubungan antara kita dengan rakyat dan pengundi.

Ketika ini ada pemimpin Umno kelihatan berusaha menonjolkan diri supaya dipilih menaja bahagian baru parti yang diwujudkan melalui persempadanan kawasan pilihan raya baru, sekali gus dengan harapan dapat menjadi calon

kawasan itu. Bagaimana Datuk Seri melihat perkembangan ini?

Saya lihat perkembangan ini tidak berbeza dengan perkembangan pada waktu dulu, ketika zaman kita perlu mewujudkan penajaan peringkat bahagian dan apabila pilihan raya sudah dekat. Memang berlaku kempen dan lobi-melobi untuk menjadi calon atau menjadi jawatankuasa penaja. Ini tidak dapat kita elakkan, cuma saya boleh memberi nasihat bahawa parti sebenarnya tidak akan membuat penilaian dan keputusan berdasarkan siapakah yang kuat melobi atau siapa yang kuat berkempen, tetapi berdasarkan faktor dan kriteria tertentu. Jadi kehebatan kita melobi tidak akan menjanjikan apa yang kita lobi itu, akan diperoleh.

Apakah nasihat Datuk Seri kepada pemimpin Umno peringkat akar umbi selepas Dr Mahathir mengarahkan persediaan menghadapi pilihan raya?

Mereka mesti menerima saranan dan arahan parti untuk memberi tumpuan kepada kerja pilihan raya kerana kemenangan dalam pilihan raya adalah penentu kepada survival Umno sebagai sebuah parti berwibawa. Kita tidak boleh menganggap bahawa yang penting itu adalah diri atau jawatan kita dalam Umno. Apalah kita atau jawatan jika kita tidak mewakili parti yang berkuasa atau parti pemerintah. Ini mesti kita sematkan dalam lubuk hati setiap ahli Umno kerana kalau kita sudah lupa daratan, maka pada masa itu, parti kita akan mengalami nasib yang buruk.

Bagaimana dengan perkembangan hubungan antara Pergerakan Wanita dan Puteri Umno, semacam masih ada konflik?

Apabila Puteri Umno ditubuhkan, memang ada pelbagai pendapat, tetapi sekarang ini kita telah menentukan peraturan dan Perlembagaan yang saya lihat amat sesuai. Kalau kita terima peraturan dan Perlembagaan parti serta memahami tugas masing-masing, saya tidak melihat kenapa kewujudan Puteri boleh menimbulkan terlalu banyak masalah kepada Wanita. Namun demikian dalam mana-mana parti politik, kadang-kadang pergeseran berlaku kerana personaliti, tetapi ini bukan bererti membabitkan kewujudan struktur baru, tetapi pergeseran personaliti boleh berlaku dalam apa juga keadaan.